

# MEDIA SYARI'AH

*Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial*

Vol. 18, No. 1, Januari-Juni 2016

***Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani & Kamaru Salam bin Yusof***

Aplikasi Maqasid Al-Syari'ah dalam Pembiayaan Golongan Fakir Menerusi Harta zakat

***Dodik Siswanto***

Characteristics of Local Government as Zakat (tithe)Collectorin Aceh Province, Indonesia

***Fithriady***

Penggunaan Model “Angkat Bloe” dalam Wakaf Produktif: Justifikasi dan Hambatan (Waqf Productive Using”Angkat Bloe” Model: the Rationales and Obstacles)

***Jabbar Sabil***

Pendekatan Sirkuler dalam Kajian Perbandingan Mazhab

***Mohamed Saladin Abdul Rasool & Ariffin Md Salleh***

Poverty Measurement in Malaysian Zakat Institutions: A Comparison Between Monetary and Non-Moneary Measurement

***Wasiaturrahmah & Shochrul Rohmatulajija***

A Generic Comparative Studyon Poverty Alleviation Between Muslim Populate Countries and Western Countries

***Zahri Hamad***

Perakaunan Zakat Saham di Malaysia: Fatwa, Manual Amalan

# **MEDIA SYARI'AH**

# **MEDIA SYARI'AH**

Wahana Kajian Hukum Islam Pranata Sosial  
Vol. 18, No. 1, 2016

## **EDITOR-IN-CHIEF**

*Ihdi Karim Makinara*

## **EDITORS**

*Agustin Hanafi*

*Ali Abubakar*

*Analiansyah*

*Bismi Khalidin*

*Jamhir*

*Mijaz Iskandar*

*Mursyid*

*Mutiara Fahmi*

## **INTERNATIONAL EDITORIAL BOARD**

*A. Hamid Sarong (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)*

*Arskal Salim (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, JAKARTA)*

*Al Yasa' Abubakar (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)*

*Euis Nurlaelawati (Universitas Islam Negeri, SUNAN KALIJAGA)*

*Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH)*

*Muhammad Amin Summa (Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, JAKARTA)*

*Ratno Lukito (Universitas Islam Negeri SUNAN KALIJAGA)*

*Ridwan Nurdin (Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, BANDA ACEH))*

*Sonny Zulhuda (International Islamic University, MALAYSIA)*

## **ASISSTEN TO THE EDITOR**

*Ainun Hayati*

*Musliadi*

*Syarbunis*

## **ENGLISH LANGUAGE ADVISOR**

*M. Syuib*

## **ARABIC LANGUAGE ADVISOR**

*Fakhrurrazi M. Yunus*

## **COVER DESIGNER**

*Ikhlas Diko*

**MEDIA SYARI'AH**, is a six-monthly journal published by the Faculty of Sharia and Law of the State Islamic University of Ar-Raniry Banda Aceh. The journal is published since February 1999 (ISSN. 1411-2353) and (ESSN.2579-5090) Number. 0005.25795090 / Jl.3.1 / SK.ISSN / 2017.04. earned accreditation in 2003 (Accreditation No. 34 / Dikti / Kep / 2003). Media Syari'ah has been indexed Google Scholar and other indexation is processing some.

**MEDIA SYARI'AH**, envisioned as the Forum for Islamic Legal Studies and Social Institution, so that ideas, innovative research results, including the critical ideas, constructive and progressive about the development, pengembangan, and the Islamic law into local issues, national, regional and international levels can be broadcasted and published in this journal. This desire is marked by the publication of three languages, namely Indonesia, English, and Arabic to be thinkers, researchers, scholars and observers of Islamic law and social institutions of various countries can be publishing an article in Media Syari'ah

**MEDIA SYARI'AH**, editorial Board composed of national and international academia, part of which are academicians of the Faculty of Sharia and Law of the State Islamic University of Ar-Raniry Banda Aceh. This becomes a factor Media Syari'ah as prestigious journals in Indonesia in the study of Islamic law.

Recommendations from the editor to scope issues specific research will be given for each publishing Publishing in January and July.



**Editor Office :**

**MEDIA SYARI'AH**

Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial  
Fakultas Syariah dan Hukum Islam UIN Ar-  
Raniry Banda Aceh, Provinsi Aceh – Indonesia

Email: [mediasyariah@ar-raniry.ac.id](mailto:mediasyariah@ar-raniry.ac.id)

[ihdimakinara@ar-raniry.ac.id](mailto:ihdimakinara@ar-raniry.ac.id)

Webs: [jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/medsyar](http://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/medsyar)

Telp.+62 (651)7557442,Fax. +62 (651) 7557442

HP : 0823 0400 8070

## Table of Contents

### Articles

- 1     *Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani & Kamaru Salam bin Yusof*  
Aplikasi *Maqasid Al-Syari'ah* dalam Pembiayaan Golongan Fakir Menerusi Harta Zakat
- 33    *Dodik Siswantoro*  
Characteristics of Local Government as Zakat (tithe) Collector in Aceh Province, Indonesia
- 51    *Fithriady & Azharsyah Ibrahim*  
Penggunaan Model “Angkat Bloe” dalam Wakaf Produktif: Justifikasi dan Hambatan (Waqf Productive Using “Angkat Bloe” Model: the Rationales and Obstacles)

- 89 *Jabbar Sabil*  
Pendekatan Sirkuler  
dalam Kajian Perbandingan Mazhab
- 129 *Mohamed Saladin Abdul Rasool & Ariffin Md Salleh*  
Poverty Measurement In Malaysian Zakat Institutions: A  
Comparison Between Monetary And Non-Moneary  
Measurement
- 153 *Wasiaturrahma & Shochrul Rohmatul Ajija*  
A Generic Comparative Study on Poverty Alleviation  
Between Muslim Populate Countries and Western  
Countries
- 209 *Zahri Hamat*  
Perakaunan Zakat Saham di Malaysia: Fatwa, Manual dan  
Amalan

Aplikasi *Maqasid Al-Syari'ah* dalam  
Pembiayaan Golongan Fakir  
Menerusi Harta Zakat

*Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani*  
*Kamaru Salam bin Yusof*

**Abstract:** *Setiap hukum yang diturunkan oleh Allah subhanahu wa ta'ala pasti mempunyai rahsia tersirat atau objektif tersembunyi – dikenali dengan Maqasid al-Syari'ah – yang mungkin tidak disedari oleh ramai orang. Akibat daripada kejahilan dan kealpaan manusia serta tatacara pelaksanaan yang tidak komprehensif telah menyebabkan suatu hukum itu tidak mencapai maqasidnya. Hukum Zakat tidak terkecuali daripada berhadapan dengan senario ini. Umat Islam tahu bahawa mengeluarkan Zakat adalah merupakan satu ibadah, bahkan satu kewajiban yang dituntut oleh Syarak kepada mereka yang telah memenuhi syarat-syarat wajib mengeluarkannya. Namun tidak ramai yang tahu tentang kesan yang sepatutnya lahir daripada pengagihan harta Zakat tersebut. Kajian saintifik tentang Zakat sebagai salah satu elemen pembiayaan Islam yang efektif dalam menyelesaikan banyak permasalahan sosial masih belum banyak dilakukan. Kertas ini berusaha untuk mengkaji beberapa kesan positif yang sepatutnya lahir daripada praktik agihan Zakat jika ia*

*dilakukan dengan cara yang betul kepada golongan fakir. Kajian ini akan menggunakan kaedah kepustakaan terutama sekali dalam menghuraikan prinsip Maqasid al-Syari'ah yang seterusnya digabungkan dengan beberapa teori moden untuk melihat keberkesanan pelaksanaan Zakat. Kajian kepustakaan dilakukan untuk memastikan prinsip Maqasid al-Syari'ah tidak terpesong daripada ruh sebenar penurunan hukum Zakat kepada manusia. Sementara proses penggabungan teori moden pula dilihat penting kerana ia banyak disandarkan kepada realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat. Kajian ini mendapati bahawa pembiayaan Zakat kepada golongan fakir jika ia dilaksanakan dengan betul sudah pasti akan dapat mencapai pelbagai maqasid di samping menangani pelbagai permasalahan sosial. Untuk itu, kajian ini juga akan menganjurkan beberapa saranan penstrukturan semula dalam proses agihan Zakat yang dijalankan sekarang.*

**Keywords:** Agihan Zakat, Maqasid al-Syari'ah dalam Zakat, golongan fakir



## 1. PENDAHULUAN

Islam mempunyai ciri asas yang sangat unggul dan sangat istimewa berbanding dengan agama langit yang telah diturunkan sebelumnya. Keunggulan dan keistimewaan ciri tersebut merangkumi tujuh perkara (**Khurshid Ahmad, 1981**), iaitu:

- Cara hidup yang sempurna;
- Kesejagatan dan kemanusiaan;
- Mudah, rasional, dan praktikal;
- Perpaduan antara kebendaan dan kerohanian;
- Keseimbangan antara individu dan masyarakat;
- Mengandungi unsur tetap dan berubah; dan
- Ajaran yang terpelihara.

Keistimewaan dan kesempurnaan Islam ini dapat dilihat dan dikaji menerusi peraturan dan hukum hakam yang telah diatur dan digubal oleh Allah subhanahu wa ta'ala menerusi nas al-Qur'an al-Karim dan juga nas yang diambil daripada Sunnah Rasulullah sallallahu alaihi wasallam (*Sunnah Qawliyyah* dan *Sunnah Fi'liyyah*). Hukum hakam yang juga dikenali sebagai hukum Syarak ini boleh diklasifikasikan kepada tiga cabang ilmu, iaitu 'Aqidah, Fiqh, dan Akhlak. Penggubalan hukum hakam ini ialah bertujuan supaya manusia dapat menjalani kehidupan mereka dengan selesa, aman, tenteram, dan teratur semasa berada di dunia yang fana sebagai landasan menuju ke alam akhirat yang baqa' dengan harapan mendapat rahmat Allah, mendapat keredaanNya, dan seterusnya mendapat balasan syurga.

Merujuk kepada pengklasifikasian hukum Syarak – yang diambil daripada sumber al-Qur'an dan al-Sunnah, ruang lingkup pembicaraan tentang Pengajian Usuluddin tertumpu kepada skop perbincangan yang berkaitan dengan Ilmu 'Aqidah dan Ilmu Akhlak. Sementara Pengajian Syari'ah pula, tumpuan

perbincangan ialah menjurus kepada perkara yang berkaitan dengan Ilmu Fiqh. Bertitik tolak daripada pembahagian cabang ilmu ini (Usuluddin & Syariah) maka bermulalah perkembangan ilmu Islam – dalam pelbagai bidang – secara global yang antara lainnya ialah kelahiran dan perkembangan ilmu *Maqasid al-Syari'ah*.

## **2. DEFINISI DAN MATLAMAT MAQASID AL-SYARI'AH**

Dari segi bahasa, istilah *Maqasid al-Syari'ah* berasal daripada perkataan Arab yang apabila diterjemahkan ke Bahasa Melayu bermaksud “Objektif Syari'ah”.

Merujuk kajian lampau, didapati ulama' klasik tidak pernah mengemukakan definisi yang spesifik tentang apa yang dimaksudkan dengan *Maqasid al-Syari'ah*.

Al-Imam al-Ghazali (1973) menakrifkan *Maqasid* dengan memberi penegasan kepada aspek Syarak yang memberi perhatian terhadap pemeliharaan lima objektif asas sebagaimana yang disebutkan: “*Maksud Syarak adalah untuk memelihara lima perkara yang menyentuh aspek pemeliharaan agama mereka, kehidupan mereka, akal pemikiran mereka, zuriat keturunan mereka, dan harta mereka. Apa sahaja yang dapat memastikan penjagaan lima perkara asas ini adalah dianggap Maslahah dan manakala sesuatu yang merosakkan lima perkara asas ini dianggap Mafsadah, dan apa jua bentuk tindakan untuk menghindarinya merupakan Maslahah yang dituntut*”.

Al-Shatibi yang terkenal sebagai pelopor ilmu *Maqasid* pun tidak pernah memberikan definisi yang komprehensif tentang istilah *Maqasid*. Beliau mendefinisikan *Maqasid al-Syari'ah* dengan melihat dimensi epistemology. Menurutnyanya: “*Matlamat utama Syarak ialah untuk mengeluarkan manusia mukallaf daripada hasutan hawa nafsunya supaya dia menjadi hamba*

*Allah berasaskan pilihan sebagaimana dia menjadi hamba Allah tanpa sebarang pilihan” (Imran Ahsan Khan, 2002).*

Ulama' *muta'akhirin* seperti Ibnu 'Ashur, 'Ilal al-Fasyi, dan Ahmad al-Raysuni juga telah berusaha untuk mendefinisikan istilah *Maqasid* menurut fahaman dan pandangan masing-masing. Ibnu 'Asyur (2006) mendefinisikan *Maqasid* daripada perspektif yang lebih luas sebagaimana kenyataan beliau: “*Matlamat umum (Maqsad 'Am) hukum Islam ialah untuk memelihara kerukunan umat dan untuk memastikannya membangun secara sihat dengan menjana kesejahteraan hidup manusia. Kesejahteraan dan kebaikan hidup manusia termasuklah kesejahteraan akal fikirannya, kesejahteraan perilakunya dan kesejahteraan segala aspek duniawi di mana dia hidup dan dipertanggungjawabkan*”. 'Ilal al-Fasyi mendefinisikan *Maqasid* sebagai: “*Matlamat Syari'ah dan rahsia pensyariatan setiap hukum*” (Al-Qarni, 1419H). Ahmad al-Raysuni (1992) pula mendefinisikan *Maqasid* itu sebagai: “*Matlamat yang ingin dicapai oleh Syari'at demi kepentingan umat Islam*”.

Apapun definisi yang diberikan, para ulama' secara umumnya hampir sepakat mengatakan bahawa *Maqasid al-Shari'ah* ialah “*mengadakan manfaat dan mengelak mudharat*”. Menerusi kesepakatan ini *Maqasid al-Shari'ah* menurut 'Abd al-Karim Zaydan (1996) boleh diertikan sebagai suatu usaha:

**”تَحْقِيقُ مَصَالِحِ الْعِبَادِ بِالْإِجَادِ لَهَا أَوْلًا، ثُمَّ بِحِفْظِهَا ثَانِيًا”**

Maksudnya: “*Merealisasikan Masalah kepada hamba dengan terlebih dahulu mewujudkan Masalah tersebut dan seterusnya memeliharanya*”.

Jika diteliti kepada definisi yang dikemukakan oleh para ulama' di atas, definisi yang dikemukakan oleh al-Raysuni adalah lebih tepat kerana ianya selari dengan konsep *al-Syari'ah* iaitu:

“memberi kemaslahatan kepada manusia – sama ada mencapai kebaikan (Maslahah) dan menolak keburukan (Mafsadah) – di dunia dan di akhirat”, sebagaimana yang dikatakan oleh al-‘Izz bin ‘Abd al-Salam (t.t): “[Syari‘at] Islam itu semuanya Maslahah, iaitu mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan”. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah subhanahu wa ta’ala:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ – (سورة الأنبياء: 107)

Tafsirnya: “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” (Surah al-Anbiya’: 107).<sup>1</sup>

Bertitik tolak dari sini, dapatlah difahami bahawa adapun yang dimaksudkan dengan matlamat yang ingin dicapai oleh Syari‘at demi kepentingan umat manusia – sebagaimana definisi *Maqasid* yang disebutkan oleh al-Raysuni – itu ialah memperoleh kebaikan dan menolak keburukan.

### 3. OBJEKTIF TERAS SYARI’AH

Tujuan Syarak menetapkan suatu undang-undang atau peraturan itu mempunyai lima tujuan utama, iaitu (**Harussani, t.t**);

- 1) **Melindungi agama:** Ia perlu dilindungi dan diketahui melalui komponen agama yang terdiri daripada unsur Iman, Islam, dan Ihsan. Penghayatan iman yang sebenar-benarnya akan membentuk watak seseorang. Sementara penghayatan Islam akan membentuk kesatuan hubungan dengan Allah subhanahu wa ta’ala. Manakala ihsan apabila dihayati akan membentuk kesatuan sesama makhluk.

---

<sup>1</sup> Semua tafsiran ayat al-Qur’an dalam kertas kerja ini adalah diambil daripada Sheikh Abdullah Basmeih. (1990). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur’an*. Cet. 10. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwat Islam, Jabatan Perdana Menteri.

- 2) **Melindungi jiwa:** Islam memerintahkan supaya manusia menjaga nyawa (jiwa) daripada segala bahaya dan ancaman yang cuba untuk merosakkannya agar tetap sihat supaya dapat menunaikan tugas dan tanggungjawabnya sebagai Khalifah Allah di muka bumi.
- 3) **Melindungi keturunan:** Allah subhanahu wa ta'ala telah memerintahkan sekalian makhluk untuk tunduk, berkhidmat, dan berbakti kepada manusia. Rentetan itu, keturunan manusia wajib dijaga supaya terus dapat diterima oleh sekalian makhluk yang berada di bawah pentadbirannya. Oleh itu, apa pun perkara yang boleh mendorong kepada kerosakkan terhadap keturunan manusia mestilah dicegah.
- 4) **Melindungi akal:** Islam mewajibkan setiap individu untuk menghidupkan akalnya dengan ilmu dan dengan menggunakan pancaindera yang lima. Oleh itu, akal wajib dijaga, dididik, dan dilatih.
- 5) **Melindungi harta:** Manusia disuruh oleh Allah subhanahu wa ta'ala untuk mendapatkan harta, bahkan menyuruhnya untuk menjaga harta tersebut untuk dibelanjakan kepada perkara *ma'ruf* agar kemakmuran dapat dicapai sesuai dengan kehendak Syarak.

Kelima-lima elemen ini merupakan matlamat atau objektif teras yang hendak dicapai oleh Syarak yang juga disebut sebagai *Maqasid al-Syari'ah*. Maka adalah menjadi satu kewajiban kepada setiap individu dan masyarakat untuk menjaga dan melindungi kelima-lima elemen tersebut daripada binasa demi mencapai kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat. **Al-Buti (1992)** menjelaskan bahawa “*setiap perlakuan yang mengandungi penjagaan kelima-lima elemen ini disebut sebagai Masalah, sementara perlakuan yang membuatnya binasa disebut sebagai Mafsadah*”.

Adapun hal yang menjadi perantara terjaganya kelima-lima elemen *Maqasid al-Shariah* itu, al-Imam al-Haramayn membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu (**'Uqlah, 1991**):

- 1) **Kepentingan asas (*al-Daruriyyat*)**: Ia juga disebut sebagai keperluan primer. Iaitu segala apa yang paling penting dalam kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Kehidupan manusia akan menjadi rosak dan terancam jika kepentingan ini tidak ada atau tidak dipenuhi. Contohnya, pensyariatkan undang-undang *Qisas*, ia disyariatkan bagi tujuan menghilangkan ancaman terhadap kehidupan (jiwa) manusia. Al-Shatibi (**1996**) mengkategorikan agama, jiwa, keturunan, akal, dan harta sebagai kepentingan asas untuk kehidupan manusia. Bahkan menurutnya lagi, semua agama juga memandang kelima-lima elemen tersebut berada di dalam kategori kepentingan asas. Sekiranya luput salah satu daripada elemen tersebut akan menyebabkan kerosakan dan kacau bilau di samping akan berlaku kesongsangan peraturan hidup.
- 2) **Keperluan biasa (*al-Hajiyyat*)**: Ia juga disebut sebagai keperluan sekunder. Iaitu segala apa yang memudahkan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Tanpanya kehidupan manusia akan menjadi tidak sempurna, mengalami kesempitan, dan kesulitan tetapi tidak sampai ke tahap rosak atau terancam. Contohnya, keringanan berbuka puasa sewaktu musafir.
- 3) **Keperluan mewah (*al-Tahsiniyyat*)**: Iaitu keperluan yang tidak sampai ke tahap kedua yang di atas. Ianya hanya untuk tujuan pelengkap, keselesaan, dan kecantikan. Contohnya, berhias ketika hendak pergi ke masjid dengan pakaian yang indah sesuai dengan tuntutan norma dan akhlak.

#### 4. ZAKAT DALAM ISLAM

Dari segi bahasa, iaitu menurut lidah bangsa Arab, Zakat bererti suci, berkat, tumbuh, dan terpuji (**Ibnu Manzur, 2003**). Dari segi terminologi Syari'ah (istilah Syarak), Zakat ialah katanama bagi sejumlah harta tertentu yang telah mencukupi syarat tertentu yang diwajibkan oleh Allah untuk dikeluarkan dan diberikan kepada orang yang berhak menerimanya dengan persyaratan tertentu pula (**Shahatah, 1977**).

Hukum mengeluarkan Zakat kepada orang yang hartanya telah memenuhi syarat ialah wajib dalam Islam. Mengeluarkan Zakat bukannya atas kemurahan hati individu atau secara sukarela, tetapi ianya tuntutan yang telah ditetapkan oleh Islam sebagaimana yang jelas termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Di dalam al-Qur'an al-Karim, Zakat dikaitkan dengan Solat – yang disifatkan oleh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam sebagai tiang agama – tidak kurang daripada 20 kali. Ini menunjukkan peritingnya tuntutan mengeluarkan Zakat dalam Islam. Antara petikan ayat al-Qur'an yang mensyari'atkan kefarduan mengeluarkan Zakat ialah:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ – (سورة النور: 56)

Tafsirnya: “*Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah Zakat; dan taatlah kamu kepada Rasulullah supaya kamu beroleh rahmat*” (Surah al-Nur: 56).

Selain al-Qur'an, banyak juga Hadith Sahih yang menyebut tentang kewajiban mengeluarkan Zakat. Antaranya ialah:

«بِنَبِيِّ الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ» - (رواه البخاري)

Maksudnya: “*Berdiri (kukuh) Islam atas lima (rukun): Shahadah (pengakuan) bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan (pengakuan) bahawa Muhammad itu Rasulullah dan mendirikan Solat dan mengeluarkan Zakat dan mengerjakan haji serta berpuasa di bulan Ramadhan*” (HR al-Bukhari).

Berdasarkan dalil *naqli* yang diambil daripada sumber al-Qur’an dan al-Sunnah ini jelas menunjukkan bahawa mengeluarkan Zakat harta sabit kefarduannya dalam Islam.

Adapun tanggungjawab untuk memastikan kepatuhan mengeluarkan Zakat daripada harta yang telah mencukupi syaratnya adalah terletak di atas bahu pihak pemerintah. Dalam hal yang demikian, pemerintah berhak menjatuhkan hukuman kepada orang yang tidak patuh melaksanakan kefarduan ini sedangkan hartanya sudah memenuhi syarat wajib untuk dikeluarkan Zakat. Hukuman tersebut bergantung kepada tiga keadaan berikut (**Zallum, 1983**):

- 1) Jika orang tidak membayar Zakat karena tidak tahu akan kewajibannya, maka dia tidak dihukumkan sebagai murtad dan tidak dijatuhi hukuman. Pemerintah hanya perlu memaklumkan kewajibannya dan mengambil Zakat daripadanya;
- 2) Jika orang tidak membayar Zakat kerana mengingkari kewajibannya, maka dia dianggap murtad dan diperlakukan sebagai orang murtad. Dia diminta bertaubat dan jika dia enggan, maka pemerintah menjatuhkan hukuman kepadanya dan hartanya menjadi hak *Bayt al-Mal*; dan
- 3) Jika orang tidak membayar Zakat tapi masih mengimani akan kewajibannya dalam agama, maka Zakat akan diambil secara paksa oleh pemerintah. Jika mereka



berkelompok dan tidak mahu membayar Zakat, maka mereka akan diperangi menurut hukum *bughah* (pemberontak). Perkara ini pernah dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar ketika beliau memerangi sekumpulan Muslimin yang enggan membayar Zakat. Tindakan Khalifah ini membuktikan bahawa pemerintah Islam berkewajiban menguatkuasakan dan memastikan setiap umat Islam mengeluarkan Zakat yang telah diwajibkan oleh Syarak.

Dalam hal ini, Islam tidak sepatutnya dilabel sebagai agama yang zalim atau agama yang bertindak dengan cara kekerasan. Akan tetapi ketegasan Islam ini harus dilihat dari sudut yang lebih bersih dan jernih iaitu untuk memastikan pendapatan per kapita tidak dimonopoli oleh golongan kaya sahaja sedangkan masih ada golongan miskin yang memerlukan bantuan. Perkara ini sejak awal lagi telah diperintahkan oleh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam kepada Mu'az bin Jabal ketika mengutusnyanya ke Yaman dengan sabdanya:

«فَاعْلَمَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ ، تُوْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ» - (رواه الشيخان)

Maksudnya: “Maka beritahulah mereka bahawasanya Allah telah memfardukan atas mereka Zakat pada harta mereka yang diambil daripada golongan kaya antara mereka dan dikembalikan kepada golongan fakir di kalangan mereka” (HR al-Bukhari & Muslim).

Menerusi hadith ini, dapatlah dilihat dengan jelas bahawa Zakat merupakan satu sistem perpaduan sosial yang menjamin kesejahteraan ummah iaitu menerusi pengutipan harta kekayaan daripada golongan kaya dan pengagihan harta tersebut kepada golongan yang lemah dan memerlukan.

Mereka yang enggan mengeluarkan Zakat, Allah subhanahu wa ta'ala berfirman:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ (34)  
يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ  
لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ - (سورة التوبة: 34-35)

Tafsirnya: “Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, rasakanlah (azab dari) apa yang kamu simpan itu” (Surah al-Tawbah: 34 – 35).

Dalam Hadith Rasulullah sallallahu alaihi wasallam juga ada menceritakan tentang azab yang akan diterima oleh orang yang enggan mengeluarkan Zakat:

«مَنْ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَلَمْ يُؤَدِّ زَكَاتَهُ مُثِّلَ لَهُ مَالُهُ شُجَاعًا أَفْرَعَهُ لَهُ  
زَبِيبَانِ يُطَوِّفُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَأْخُذُ بِلَهْزِمَتَيْهِ يَعْنِي بِشِدْقَيْهِ يَقُولُ أَنَا  
مَالِكٌ أَنَا كَنْزُكَ» - (رواه البخاري)

Maksudnya: “Siapa yang dikurniakan harta oleh Allah tetapi tidak menunaikan Zakatnya, akan dijadikan harta itu untuknya pada hari kiamat seekor ular yang licin (botak) kepalanya dan mempunyai dua taring. Ular itu akan membelit lehernya, kemudian menggigit kedua rahangnya dan berkata: Akulah hartamu. Akulah harta yang kau simpan” (HR al-Bukhari).

## **5. TUJUAN AGIHAN ZAKAT**

Mengeluarkan Zakat tidak hanya terbatas kepada aspek ritual antara manusia dengan Pencipta (*hablum minallah*) untuk membuktikan apakah manusia lebih mencintai Allah atau lebih mencintai hartanya, bahkan juga mencakupi aspek perpaduan sesama manusia (*hablum minannas*). Harta yang dikumpul melalui Zakat kemudian diagihkan untuk tujuan meraih kesejahteraan ummah dan bukannya untuk membangun sebuah kekuatan politik (*political power*) kerana Zakat jelas telah ditetapkan pengagihannya untuk golongan *mustahiq*. Kesejahteraan itu boleh diertikan sebagai meningkatkan taraf kehidupan kepada yang lebih baik, meraih kemenangan dan kejayaan (*al-Falah*), memberi kesenangan dan mengurangi penderitaan (*al-Yusr*), mendapat keberkatan dan kemakmuran (*Barakat*), memelihara iklim cinta dan sayang menyayangi (*al-Hubb*), serta menghilangkan kelaparan dan ketakutan.

Merujuk kepada ciri-ciri Zakat yang disyari'atkan oleh Islam, ia dilihat memiliki kesemua ciri-ciri kesejahteraan yang disebutkan, iaitu:

- 1) Zakat dapat mengangkat darjat golongan fakir miskin dan membantu mereka keluar daripada kesulitan hidup serta penderitaan;
- 2) Zakat membantu memecah permasalahan yang dihadapi oleh para *Gharimiin*, *Ibn al-Sabil*, dan *mustahiq* lainnya;
- 3) Zakat mampu membina dan mengukuhkan tali persaudaraan sesama umat Islam dan manusia pada umumnya. Dengan itu, akan dapat menghakis sifat dengki dan iri hati daripada golongan orang fakir miskin; dan
- 4) Zakat mampu mendekatkan jurang pemisah antara golongan kaya dengan yang miskin dalam suatu masyarakat yang bersatu padu memakmurkan negara hingga meraih kemenangan dan kejayaan.

Kesejahteraan yang diraih melalui agihan Zakat hanya akan mungkin berhasil jika dipraktikkan dalam masyarakat Islam yang berpegang teguh kepada sistem Islam. Dalam erti kata lain, jika Islam dengan Zakatnya diminta untuk menyelesaikan masalah kemiskinan dalam masyarakat yang menganut konsep non-Islam atau memberlakukan sistem asing, peranan Zakat tidak mungkin efektif. Kerana sistem Islam dalam hidup bermasyarakat dan bernegara sifatnya integral dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Ini bererti, sistem Islam itu wajib diamalkan seluruhnya dan tidak boleh dipilih dengan cara mengambil sebahagian dan membuang sebahagian lainnya (**Al-Qardawi, 1995**).

## **6. KESAN ZAKAT TERHADAP ISU KEMISKINAN**

Usaha membasmi kemiskinan dan membantu golongan fakir miskin ialah merupakan kewajiban orang kaya kerana dalam hartanya ada hak orang fakir miskin. Mengetepikan hak mereka adalah menyalahi hukum Allah yang menetapkan supaya hak tersebut diserahkan. Firman Allah subhanahu wa ta'ala:

– وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ (24) لِلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ –  
(سورة المعارج: 24-25)

Tafsirnya: “Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum; bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)” (Surah al-Ma‘arij: 24 – 25).

Jika dilihat dan dikaji daripada lapan *asnaf* yang berhak menerima Zakat, lima daripadanya berkaitan dengan isu kemiskinan, iaitu golongan *al-Fuqara'*, *al-Masakin*, *al-Riqab*, *al-Gharimin*, dan *Ibnu al-Sabil*.

Kemiskinan dari sudut perbincangan ekonomi Islam merujuk kepada satu keadaan di mana seseorang tidak mencapai *Had Kifayah* (Al-Fanjari, 1981). *Had Kifayah* boleh diertikan sebagai satu tahap di mana seseorang mesti memperoleh keperluan hidupnya (Lam, 2003). Dalam erti kata lain, *Had Kifayah* ialah batas keperluan minima yang mesti dicapai oleh setiap individu. Orang yang berada pada batas atau di atas batas tersebut dianggap telah melepasi sempadan kemiskinan, sementara orang yang berada di bawah batas tersebut berada dalam kondisi kemiskinan.

Bentuk keperluan pula adalah berbeza antara sesebuah negara dengan yang lain, bahkan ia berubah mengikut peredaran zaman. Berkemungkinan saja orang atau negara yang dikategorikan sebagai miskin pada zaman ini, dianggap kaya oleh orang terdahulu. Bertitik tolak dari sini bolehlah difahami bahawa kemiskinan dapat dirasakan secara berperingkat mengikut keperluan semasa sesuai dengan perubahan arus kemajuan dalam suatu era. Oleh yang demikian, pengagihan harta Zakat kepada golongan fakir dan miskin mesti merujuk kepada aspek keperluan sebenar masyarakat setempat dan aspek keperluan semasa.

Dalam sistem pemerintahan Islam, pemerintah perlu sentiasa memastikan semua golongan fakir miskin dapat memenuhi keperluan asasi mereka, bahkan juga memastikan semua rakyatnya mencapai *Had Kifayah*. Usaha memajukan dan membangun rakyat serta negara merupakan antara tugas utama pemerintah Islam. Dalam konteks negara Islam moden hari ini, tugas mencari dan mengagihkan harta Zakat kepada golongan fakir miskin lebih mudah dilakukan kerana sekarang sudah terdapat kemudahan canggih dan alat pengangkutan moden (sama ada di darat, sungai, laut, atau udara) untuk sampai ke ceruk rantau sempadan negara.

## 7. PENGARUH ZAKAT TERHADAP PENGENDALIAN GOLONGAN FAKIR

Secara teorinya, harta Zakat yang dibayar oleh golongan kaya dan diagihkan kepada golongan fakir miskin akan dapat mencapai manfaat ke tahap paling optimum, bahkan juga diharapkan memberi impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kesan agihan Zakat kepada golongan *mustahiq* bukan sahaja diharap mereka berjaya keluar daripada golongan yang menerima Zakat, malahan juga diharapkan akan menjadi penyumbang Zakat kepada negara pada suatu hari nanti. Dalam pengertian lain, mereka yang pada asalnya terdiri daripada golongan *mustahiq* akan menjadi sebahagian daripada *muzakki* (pemberi Zakat) dan menjadi guna tenaga yang produktif serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Melihat kepada proses Zakat, iaitu memindah harta kekayaan daripada golongan kaya kepada golongan miskin, menunjukkan bahawa Zakat ialah satu proses pemindahan sumber ekonomi. Oleh yang demikian, proses ini tentu saja akan memberi kesan terhadap perubahan tertentu yang juga bersifat ekonomi, umpamanya menggunakan harta Zakat untuk tujuan konsumsi atau produksi. Dari sini, tuntutan Zakat walaupun pada dasarnya merupakan satu tuntutan agama yang berkonsepkan '*Ubudiyah*' (penghambaan diri kepada Allah), ia juga boleh dibincangkan dan dinilai dari perspektif analisis teori ekonomi moden untuk melihat keberkesanannya mengendali isu kemiskinan golongan fakir, iaitu:

### ***1) Teori Utiliti Marjinal (The Theory of Marginal Utility)***

Menurut ahli Falsafah J. Bentham dan J.S.Mill, matlamat utama yang harus dicapai oleh sesebuah kerajaan ialah

memastikan setiap individu dalam masyarakatnya mencapai tahap utiliti (kepuasan) yang paling maksimum. Mereka berpendapat bahawa kitaran semula pendapatan hendaklah didasarkan kepada andaian “Teori Utiliti Marjinal” (**Gans, 2000**).


Teori ini dikatakan mula diperkenalkan secara sistematik oleh William Stanley Jevons seorang ahli ekonomi berbangsa Inggeris pada tahun 1871. Pada tahun yang sama, Carl Menger seorang ahli ekonomi berbangsa Austria juga turut menerbitkan versi tulisannya. Tiga tahun kemudian, tanpa menyedari kerja yang dilakukan oleh Jevon dan Menger, seorang ahli ekonomi berbangsa Swiss, Leon Walras telah menerbitkan versi tulisannya tentang teori yang sama (**Dolan G.E., t.t**).

Teori ini menjelaskan bahawa kepuasan menggunakan suatu barangan dapat diukur melalui utiliti (kepuasan). Peraturan Utiliti Marjinal Menurun (*The Law of Diminishing Utility*) menjelaskan bahawa penggunaan suatu barangan pada setiap unit akan menyebabkan kepuasan individu semakin meningkat. Pada kebiasaannya, apabila kepuasan meningkat akan menyebabkan keinginan individu untuk menggunakan barangan tersebut menjadi semakin menurun. Setelah tingkat kepuasan mencapai satu tahap Kepuasan Total (*TU*), sedangkan lebih banyak unit dikonsumsi akan menyebabkan tahap kepuasan menjadi semakin menurun. Tambahan penggunaan unit yang berterusan akan menyebabkan tingkat kepuasan individu menurun hingga mencapai tahap negatif” (**Dolan G.E., t.t**).

Untuk lebih memahami Peraturan Utiliti Marjinal Menurun dengan mudah, maka dibawakan jadual dan gambar rajah berikut:

### Utiliti (Kepuasan) Total Menkonsumsi Burger

UNIT KONSUMSI (X)	TAHAP KEPUASAN TOTAL ( $TU_x$ )
0	0
1	4
2	5
3	3
4	1
5	-1



Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa unit ke-3, ke-4, dan ke-5 burger tidak diperlukan oleh individu kerana dia telah mencapai kepuasan total pada unit yang ke-2. Dengan mengonsumsi unit lebihan itu akan menyebabkan tahap kepuasannya semakin menurun. Pada unit ke-5, tahap kepuasannya menjunam negatif apabila tubuhnya menjadi lemah kerana terlalu




kenyang, atau mungkin terbunuh kerana tercekik. Jika demikian halnya, adalah lebih baik sekiranya unit lebihan yang tidak diperlukan diberi kepada orang lain yang sedang kelaparan dan ingin memakan burger tetapi tidak mampu untuk membelinya.

Teori Marginal Utiliti ini dapat menjelaskan kenapa Zakat patut diberikan kepada golongan fakir miskin. Orang kaya yang telah mencapai kepuasan total pada kebiasaannya cenderung untuk menyimpan lebihan hartanya tanpa digunakan. Perbuatan ini dilihat sebagai satu pembaziran yang merugikan empunya harta dan masyarakat amnya. Lebihan harta jika diberikan kepada orang yang memerlukan seperti golongan fakir miskin – melalui pemberian Zakat – pada hakikatnya tidak merugikan tuan empunya harta kerana dia telah mencapai kepuasan total dan tidak memanfaatkan hartanya. Dengan mengagihkan harta tersebut kepada orang yang memerlukan, tahap utiliti akan dapat terus ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi kerana kecenderungan mengguna di kalangan fakir miskin lebih tinggi berbanding kecenderungan mengguna di kalangan orang kaya. Menerusi analisis ini, Zakat dapat dibuktikan berperanan meningkatkan pusingan wang dalam ekonomi dan meningkatkan tahap utiliti ke paras yang lebih tinggi.

## **2) Teori Pendapatan (*The Theory of Income*)**

Umumnya, pendapatan (*income*) bermaksud semua aliran tunai yang diperolehi oleh seseorang individu, perusahaan, atau negara, terutamanya yang bersifat tetap (**Parkinson & J. Noble, 2006**). Teori Pendapatan menjelaskan bahawa permintaan terhadap suatu barangan antara lainnya dipengaruhi oleh faktor perubahan pendapatan. Apabila pendapatan meningkat, orang ramai lebih cenderung untuk membeli pelbagai barangan normal (*normal goods*) dalam kuantiti yang lebih besar, dengan tanggapan harga barangan itu tidak berubah (**Dolan G.E., t.t**). Penggunaan terhadap suatu barangan akan konsisten sekiranya pendapatan itu bersifat

tetap sebagaimana yang dijelaskan dalam Teori Pendapatan Tetap (*Theory of Permanent Income*) (Wonny, 2007). Untuk penjelasan yang lebih mudah, gambar rajah berikut menunjukkan bagaimana pendapatan mempengaruhi permintaan terhadap barangan normal:



Rajah di atas menunjukkan bahawa pendapatan mempunyai hubungan langsung dengan penggunaan barangan normal (seperti ayam); peningkatan pendapatan memberi kesan secara langsung kepada peningkatan permintaan (perpindahan keluk *D1* kepada keluk *D2*) dengan syarat harga barangan tidak berubah. Pada keluk *D1*, dengan berbekalkan BND12.00 seseorang boleh membeli empat ekor ayam, dan perpindahan keluk *D1* kepada *D2*, pada harga yang sama individu tersebut sudah boleh membeli enam ekor ayam.

Peningkatan terhadap permintaan ini mendesak penternak supaya menggandakan usaha menghasilkan lebih banyak ayam bagi memenuhi permintaan. Rentetan itu, lebih ramai tenaga kerja akan diserap masuk untuk merealisasikan tuntutan penghasilan yang terus meningkat. Berdasarkan teori ini, dapatlah dirumuskan

bahawa kepentingan Zakat tidak hanya terbatas sebagai satu sistem sosial yang menyatupadukan masyarakat, bahkan kepentingannya juga menjangkau sebagai faktor ekonomi yang mampu mewujudkan kuasa beli baru (*new purchasing power*) dalam pasaran tempatan. Bukan sahaja mewujudkan kuasa beli baru, bahkan aktiviti penggunaan dan pengeluaran terhadap suatu barangan juga meningkat, di samping meningkatnya penggunaan tenaga kerja serta alat penghasilan ekoran daripada tuntutan kuasa beli baru tersebut.

Ringkasnya, orang kaya yang mengeluarkan Zakat untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan, secara tidak langsung menyumbang kepada keupayaan negara menggunakan daya sumber dengan lebih efisien, mempelbagaikan aktiviti pengeluaran, dan menangani isu pengangguran. Analisis ini membuktikan bahawa Zakat berperanan sebagai elemen utama yang menggerak dan menghidupkan industri untuk menghasilkan pelbagai keperluan masyarakat, dan ini akan menjanjikan kemajuan ekonomi yang lebih mantap dan berdaya saing. Dari sini, agihan harta Zakat bukan sahaja menguntungkan satu pihak, bahkan menguntungkan seluruh masyarakat dalam negara termasuk orang kaya itu sendiri.

Hasil daripada analisis teori ekonomi moden, pengaruh agihan Zakat terhadap ekonomi dapat diringkaskan seperti berikut:

- 1) Pengaruh Zakat terhadap usaha produktif daripada golongan *muzakki*: Tuntutan mengeluarkan Zakat mendorong *muzakki* untuk terus mengembangkan hartanya agar tidak habis dimamah Zakat. Tidak pernah terlakar dalam sejarah bahawa orang kaya yang mengeluarkan Zakat jatuh bankrap. Tetapi sejarah banyak mencatatkan

ramai di kalangan orang kaya yang kikir kedekut jatuh muflis;

- 2) Pengaruh Zakat terhadap usaha produktif daripada golongan *mustahiq*: Memandangkan kecenderungan mengguna di kalangan penerima Zakat adalah tinggi, maka mereka akan mengeluarkan semula harta yang diperolehnya daripada sumber Zakat untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Peraturan dalam sistem perekonomian ialah apabila meningkatnya konsumsi (mengguna) akan mendorong usaha produksi;
- 3) Pengaruh Zakat terhadap pelaburan: Apabila meningkatnya perbelanjaan di kalangan *mustahiq* memungkinkan peningkatan kadar untung usahawan dan akhirnya akan menggerakkan pertambahan pelaburan persendirian;
- 4) Pengaruh Zakat terhadap pengembalian pendapatan: Pemindahan sejumlah pendapatan orang kaya kepada orang miskin melalui Zakat lebih banyak manfaatnya jika dibandingkan dengan kerugian kerana Zakat berfungsi sebagai alat yang paling efektif untuk pengembalian harta kekayaan; dan
- 5) Pengaruh Zakat terhadap kerja: Orang yang beranggapan bahawa agihan Zakat mendorong penerimanya terus menganggur mengharapakan Zakat adalah tidak benar kerana Zakat hanya diagih kepada mereka yang dalam keperluan. Zakat yang diagihkan kepada kelompok masyarakat yang menggunakannya bagi tujuan konsumsi menyebabkan peningkatan terhadap permintaan barangan, maka setentunya tuntutan ini memerlukan lebih ramai pekerja untuk diserap masuk dan seterusnya menangani pelbagai masalah sosial seperti pengangguran.

## **8. KEJAYAAN AGIHAN ZAKAT DARI UKURAN MAQASID AL-SYARI'AH**

Sungguhpun Zakat dapat menyemarakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara seperti yang dapat dilihat menerusi analisis teori ekonomi moden, Zakat wajar dilihat oleh umat Islam sebagai satu alternatif dalam mengembangkan ekonomi Islam dan bukannya *bumper* utama. Pengaruh dan keberkesanan agihan Zakat terhadap golongan fakir miskin demi memelihara keutuhan *Maqasid al-Syari'ah* perlu diberi perhatian utama. Menilai tentang kejayaan atau kegagalan agihan Zakat dari perspektif ini menjadikan penilaiannya lebih komprehensif dan menepati keperluan sebenar manusia.

Untuk mengukur keberkesanan Zakat memenuhi prinsip *Maqasid al-Syari'ah*, kaedah “*Change Assessment and Scoring Tool*” (*CAST*) dilihat sangat sesuai untuk digunakan. Berdasarkan analisa *CAST*, tindakan yang tepat dan cepat boleh dilakukan kerana ianya memberi gambaran yang terperinci untuk setiap elemen yang dikaji sama ada perubahan berkenaan adalah positif atau pun negatif. Menerusi kaedah *CAST* ini, ukuran keberkesanan diperolehi apabila melihat kepada perubahan yang berlaku kepada responden yang menerima agihan Zakat. Pilihan jawapan yang dinyatakan oleh responden akan dikodkan dalam *CAST*. Perubahan akan diukur dalam lima skala perubahan, iaitu: (Nilai 5) = Perubahan paling positif; (Nilai 4) = Perubahan positif; (Nilai 3) = Tiada perubahan; (Nilai 2) = Perubahan negatif; dan (Nilai 1) = Perubahan paling negatif. Lima indikator akan digunakan sebagaimana tafsiran yang dikehendaki dalam Teori *Maqasid al-Syari'ah*, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, mengikut keutamaan dan tafsiran berikut (**Rosbi & Sanep, 2010**):


- 1) **Menjaga agama:** Memastikan setiap muslim berpegang teguh menganut ajaran Islam. Setiap tindakan dan usaha yang dijalankan dalam mencari rezeki dan memperbaiki taraf kehidupan juga mengikut lunas-lunas ajaran Islam;
- 2) **Menjaga nyawa:** Mendorong individu berusaha keras bagi memastikan mereka berupaya menjaga keselamatan diri dan keluarga, stabil, jauh dari rasa ketakutan, merasa selamat, terpelihara, dan merasa dilindungi;
- 3) **Menjaga akal:** Mendorong setiap individu menggunakan kelebihan akal untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menjamin kesejahteraan diri, keluarga, dan masyarakat;
- 4) **Menjaga keturunan:** Mereka mampu menjaga batas-batas kehormatan diri, maruah, nama baik keturunan, dan membantu membina masyarakat yang bermaruah di samping menjadikan diri sendiri lebih diterima dan dihormati; dan
- 5) **Menjaga harta:** Mereka bijak menggunakan peluang yang ada untuk mencari rezeki, menyediakan makanan, minuman, tempat perlindungan, keperluan diri, mendapatkan rawatan, pendidikan, dan seterusnya menjaga harta benda sendiri demi kesejahteraan diri dan keluarga.

Keberkesanan memenuhi kelima-lima indikator ini akan dikategorikan semula kepada tiga keadaan, iaitu baik (pencapaian perubahan pada tahap 75% ke atas), sederhana (pencapaian perubahan pada tahap 60% - 74.9%), dan lemah (perubahan di bawah tahap 60%). Perubahan indikator yang berlaku kepada golongan penerima Zakat akan dipersembahkan dalam bentuk *Monitoring Wheel* sepertimana berikut:

### **Monitoring Wheel:**

#### **Keberkesanan Agihan Zakat Berdasarkan**

#### **Ukuran *Maqasid al-Syari'ah* Menggunakan Kaedah CAST**



Berdasarkan penilaian ini, mana-mana indikator yang berada dalam kedudukan sederhana dan lemah perlu dicari puncunya untuk diperbaiki. Pembetulan dan penambahbaikan perlu dilakukan secepat mungkin. Dengan itu diharapkan agihan Zakat akan dapat mengubah taraf sosio-ekonomi golongan penerima Zakat berdasarkan sejauh mana mereka berupaya memenuhi keperluan yang diperuntukkan dalam Teori *Maqasid al-Syari'ah*.

## **9. PENUTUP DAN CADANGAN:**

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Zakat sepertimana dalam kerangka *Maqasid al-Syari'ah* dan berdasarkan Teori Ekonomi Islam adalah merupakan elemen Islam terpenting yang bertindak dengan berkesan membantu golongan fakir miskin keluar dari cengkaman kemiskinan. Fenomena kemiskinan tidak bersifat kekal. Ia bukan satu kemestian yang tidak boleh dihindari. Sebaliknya ia satu fenomena yang berubah-ubah. Jika dicermati dengan terperinci, ditemukan bukti empirik bahawa pertambahan jumlah penduduk yang hidup di bawah garis *Had Kifayah* bukanlah karena persoalan kekayaan alam yang tidak sebanding dengan jumlah penduduk, akan tetapi karena agihan harta kekayaan yang tidak adil dan rendahnya rasa kesetiakawanan antara anggota masyarakat. Oleh yang demikian, serangan kemiskinan perlu disekat menerusi pengurusan Zakat yang teratur dan terancang.

Selain itu, Zakat juga berperanan membangun sebuah negara yang sejahtera dengan mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan konsumsi, peningkatan produksi, dan pertambahan pelaburan serta pendapatan. Oleh yang demikian, Zakat pada hari ini bukan sahaja perkara yang berkaitan dengan urusan mengutip dan mengagih harta kekayaan sahaja, tetapi perlu kepada pemahaman konsep pengurusan yang merangkumi aspek merancang, mengorganisasi, menyelaraskan, dan membuat keputusan. Sebagai langkah pengukuhan kepada proses agihan Zakat agar dapat memainkan peranannya untuk mencapai *Maqasid al-Syari'ah*, dibawakan beberapa pandangan dan cadangan untuk dipraktikkan:



- 1) Zakat pada hari ini harus berevolusi. Revolusi dalam erti kata anjal dan fleksibel untuk menghadapi tekanan inflasi yang terus menerus menghambat golongan fakir miskin dan fleksibel untuk pemberdayaan ke arah usaha yang lebih produktif agar matlamat membentuk insan yang progresif dan inovatif dapat dilakukan;
- 2) Menubuhkan “Pusat Kecemerlangan *Asnaf Zakat*” yang ditadbir oleh ulama’ Islam terkemuka. Penggerak utamanya ialah tenaga pengajar yang berkemahiran dalam pelbagai disiplin ilmu Islam seperti perundangan Syari’ah, ekonomi, pengurusan, kewangan, enterprenur, statistik, analisis komputer, dan juga tenaga pengajar yang benar-benar mahir dalam pelbagai bidang vokasional (memasak, menjahit, mekanik, bertani, usahawan, dan sebagainya), di samping memiliki kakitangan sokongan yang boleh dipercayai. Golongan *mustahiq* khasnya golongan fakir miskin akan dididik, diasuh, dibimbing, dan dilatih sehingga menjadi “insan baru” yang produktif, mampu berdikari, menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara, akhirnya keluar dari kepompong kemiskinan buat selamanya. Di sini, peranan Zakat tidak hanya membantu golongan *mustahiq* untuk jangka masa pendek sebagaimana amalan lazim, tetapi juga berperanan sebagai mekanisme Islam terpenting untuk merubah *syakhsiyyah* insan dalam jangka masa panjang;
- 3) Agihan harta Zakat semestinya berpaksikan kepada pemberdayaan usaha kerja yang produktif di kalangan *mustahiq*. Untuk itu, institusi Zakat harus menggembleng tenaga untuk memperbaiki taraf ekonomi golongan fakir dan miskin supaya mereka mampu keluar dari masalah kemiskinan, iaitu dengan memberi bantuan modal dan latihan yang sesuai dengan kemahiran dan kecenderungan

supaya mereka dapat memulakan kegiatan ekonomi yang produktif;

- 4) Membiaya projek sosio-ekonomi menggunakan harta Zakat, seperti tajaan pendidikan, latihan vokasional, membiaya rumah kos murah, membiaya aktiviti pertanian dalam skala kecil, dan sebagainya. Ini mungkin dapat dilakukan dengan menggunakan konsep *al-Mudarabah*, di mana pengurus harta Zakat bertindak sebagai “*Rab al-Mal*” dan penerima Zakat mengambil peranan sebagai “*al-Mudarib*” yang menyumbang tenaga kerja mereka. Keuntungan dibahagikan kepada kedua-dua pihak sebagaimana persetujuan awal sebelum projek dijalankan;
- 5) Malburkan harta Zakat dalam projek yang menepati peraturan Syari’ah dan memberi faedah maksimum kepada individu miskin dan yang memerlukan (**Al-Rayyan, 1999**). Ke arah ini, satu institusi kewangan Islam yang berpengalaman dan berkemahiran diperlukan untuk mengurus hal ehwal pelaburan harta Zakat bagi mengurangkan risiko kerugian;
- 6) Menubuhkan satu tabung *Khayrat* Zakat bagi membantu golongan fakir dan miskin, contohnya membiaya majlis perkahwinan dan lain-lain keperluan. Mengahwinkan orang fakir miskin boleh menangani masalah kemiskinan, iaitu melalui:
  - a) Pasangan suami isteri akan saling bantu membantu meringankan beban antara satu sama lain dalam mencari rezeki;
  - b) Dengan kelahiran zuriat baru, secara *tabi’i* akan mendorong ibu bapa untuk berusaha lebih gigih mencari rezeki bagi menyara hidup anak-anak mereka; dan
  - c) Kelahiran zuriat baru akan membantu dan meringankan beban ibu bapa mendapatkan rezeki.

- 7) Membuat panduan lengkap tentang kaedah, hukum, penggunaan, dan pembahasan tentang jenis harta kekayaan zaman moden. Melalui panduan ini akan dapat dijadikan rujukan, saranan, dan pemahaman yang lebih jelas mengenai Zakat.

## **BIBLIOGRAFI:**

Al-Qur'an al-Karim

Sheikh Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. (1990). Cet. 10. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Ibn 'Ashur, Muuammad Tahir. (2006). *Treatise on Maqasid al-Shari'ah*. (Terj.) Mohamed el-Tahir al-Mesawi. London and Washington: International Institute of Islamic Thought.

Al-Buti, Muhammad Sa'ed Ramadan. (1992). *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Muttahidah.

Dolan G.E. & Lindsey D.E. (t.t). *Microeconomics*. (Cet.7). t.t.p: The Dryden Press Harcourt Brace College Publisher.

Al-Fanjari, Muhammad Shawqi. (1981). *Al-Islam wa al-Mushkilah al-Iqtisadiyyah: Kaifa Yatatawwar al-Islam Mushkilah al-Faqr wa Kaifa Yu'alijuhu fi Dirasah Muqaranah Ma'a al-Iqtisadayn al-Ra'sumali wa al-Ishtiraki*. (Cet. 2). Kaherah: Maktabat al-Salam al-'Alamiyyah.

Gans, Joshua. (2000). *Principles of Microeconomics*. London: t.p.

Al-Ghazali, Abu Hamid. (1973). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah.

Harussani bin Haji Zakaria. (t.t). *Menjaga Maqasid Shari'ah Teras Keutuhan Negara*. t.n: t.p.

- Imran Ahsan Khan Nyazee. (2002). *Theories of the Islamic Law: The Methodology of Ijtihad*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Al-‘Izz bin ‘Abd al-Salam. (t.t). *Qawa‘id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Khurshid Ahmad. (1981). *Islam: Prinsip Dasar dan Karakteristiknya*. Bandung: Perpustakaan Salman ITB.
- Lam, ‘Abdullah. (2003). *Ahkam al-Aghniya’: Ahkam Ghina’ al-Mal wa Dawabit Talabihi wa al-Intifa‘ wa al-Tasarruf Bihi fi al-Fiqh al-Islami*. Jordan: Dar al-Nafa’es.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din. (2003). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Parkinson, Dilys & J. Noble (Pyt.). (2006). *Oxford Business English Dictionary for Learners of English*. t.t.p: Oxford University Press.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1995). *Kiat Islam Mengentas Kemiskinan*. (Mushkilah al-Faqr wa Kayfa ‘Alajahu al-Islam). Syafril Halim (Terj.). Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Qarni, ‘Iwad bin Muhammad. (1419H). *Al-Mukhtasar al-Wajiz fi Maqasid al-Tashri‘*. Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra’.
- Al-Raysuni, Ahmad. (1992). *Nazariyyat al-Maqasid ‘Inda al-Imam al-Shatibi*. Beirut: Al-Ma‘had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Rayyan, Husayn Ratib Yusuf. (1999). *‘Ajzu al-Muwazanah wa ‘Ilajuhu fi al-Fiqh al-Islami*. Amman: Dar al-Nafa’es.
- Rosbi Abd Rahman & Sanep Ahmad. (2010). “Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-

Syariah”. *Seventh International Conference: The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy Proceedings*. Malaysia: Bangi.

Shahatah, Shawqi Isma'il. (1977). *Al-Tatbiq al-Mu'asir li al-Zakat*. Jeddah: Dar al-Shuruq.

Al-Shatibi. (1996). *Al-Muwfaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

'Uqlah, Muhammad. (1991). *Al-Islam Maqasiduhu wa Khasaisuhu*. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.

Wonny Ahmad Ridwan. (2007). *Teori Makroekonomi*. Bogor: Bina Niaga.

Zallum, 'Abdul Qadim. (1983). *Al-Amwal fi Dawlah al-Khilifah*. Beirut : Dar al-'Ilm li al-Malayin.

Zaydan, 'Abd al-Karim. (1996). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

